

**Najib Lulus RM530,000 Bagi Kejohanan Bola Sepak Antara Sekolah Tamil
Bernama
9 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meluluskan RM530,000 bagi kejohanan bola sepak antara sekolah Tamil di negara ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri G. Palanivel.

Palanivel, yang juga Presiden MIC, berkata projek 'Road to England' bertujuan melahirkan pelajar kaum India di Malaysia yang dapat menjadikan bola sepak sebagai satu kerjaya dengan memiliki standard yang setara dengan pemain England dari segi jangka panjang.

Ke arah itu, beliau menyerahkan cek lebih RM530,000 kepada Karen Barnes, pengarah Ken Barnes Football Academy, di pejabatnya di Menara Dato' Onn di sini Khamis.

"Ini merupakan julung kali pelajar sekolah Tamil mengambil bahagian dalam kejohanan bola sepak 'Road to England'" kata Palanivel kepada pemberita selepas majlis penyampaian cek itu.

Projek berkenaan, yang dijangka dimulakan akhir bulan ini, akan melibatkan 523 sekolah Tamil di 11 venue di seluruh negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686981>